

Semangat Juang Murid SMK Pantai Menyerlah di Merentas Desa MSSWPL 2026



Labuan, 10 Feb 2026 – Kejohanan Merentas Desa MSSWPL 2026 telah mencatatkan kejayaan membanggakan buat kontinjen SMK Pantai apabila berjaya meraih tempat ketiga keseluruhan. Kejohanan yang menghimpunkan pelbagai sekolah ini menjadi pentas menguji ketahanan fizikal dan semangat juang murid dalam suasana penuh persaingan.

Dalam kategori berkumpulan, pasukan lelaki 15TKB berjaya menamatkan saingan di tempat ketiga, manakala pasukan perempuan 18TKB pula cemerlang dengan kedudukan naib johan. Kejayaan ini turut diserikan dengan pencapaian individu apabila beberapa murid SMK Pantai berada dalam kelompok 10 peserta terbaik. Russel Raynald Tan dari kelas 3UPM muncul sebagai johan untuk kategori L15TKB, M. Iqram Hazam dari 1UPM menamatkan larian di tempat ketujuh

dalam kategori yang sama, manakala Alessya Zafirah dari 2UPM meraih tempat ketiga bagi kategori P15TKB, Dhiya Alisha dari 1UKM berada di tempat kelapan dalam kategori yang sama. Nur Arissa dari 5UM menutup senarai dengan kedudukan kesepuluh dalam kategori P18TKB.

Kejayaan ini adalah hasil bimbingan jurulatih berpengalaman iaitu Cikgu Brolin, Cikgu Didie, dan Cikgu Jasrin, serta sokongan pengurus pasukan Cikgu Zarina, Cikgu Norlia, dan Cikgu Cynthia yang memastikan setiap aspek persediaan berjalan lancar.

Dalam kategori pendidikan khas, pencapaian lebih menyerlah apabila murid SMK Pantai turut mengungguli podium. Siti Puteri Rania Nor Aliysia muncul sebagai johan P15TKB, manakala Fidyatul Umaira meraih naib johan dalam kategori yang sama. Riyan Jazsrul Daniel pula menamatkan saingan sebagai naib johan L18TKB, sementara Muhammad Ashraf turut meraih naib johan bagi kategori L15TKB. Kesemua pencapaian ini dibimbing oleh jurulatih Cikgu Haniwijaya dan Cikgu Nuramirah, dengan pengurus pasukan Cikgu Rowency yang memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran penyertaan.

Kejohanan Merentas Desa MSSWPL 2026 bukan sahaja mengangkat nama SMK Pantai di persada sukan daerah, tetapi juga membuktikan bahawa semangat kesukanan, disiplin, dan usaha gigih mampu melahirkan pencapaian yang membanggakan. Semangat juang yang ditunjukkan oleh murid-murid menjadi inspirasi kepada seluruh warga sekolah untuk terus berusaha menuju kecemerlangan dalam bidang kokurikulum.

SUMBER BERITA : SMK Pantai, WP Labuan



**Dhiya Alisha (peserta P15TKB)
mendapat tempat ke-8**





**Russel Raynald (peserta L15TKB)
dinobatkan sebagai
johan kategori L15**



**Nur Arissa (peserta L18TKB)
mendapat tempat ke 10**



Tempat Ketiga Berkumpulan Kategori Lelaki 15TKB



Muhammad Ashraf bin Saaid mendapat Naib Johan dalam kategori L15TKB PPKI



Riyan Jazsrul Daniel bin Abdullah mendapat Naib Johan bagi kategori L18TKB PPKI



**Siti Puteri Rania Nor Aliysia binti Mohd Sani
dinobatkan sebagai Johan bagi P15TKB PPKI**



Fidyatul Umaira binti Rosli mendapat Naib Johan bagi kategori P15TKB PPKI



Sesi bergambar



**SMK Pantai menerima piala TEMPAT KETIGA KESELURUHAN
untuk Kejuhanan Merentas Desa MSSWPL 2026**



**Barisan atlit PPKI SMK Pantai untuk
Kejohanan Merentas Desa MSSWPL 2026**